

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABD SAMAD
[SHAH ALAM]**

TARIKH : 13 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan alasan sebenar peletakan jawatan Encik Jalil Rasheed sebagai Pengerusi dan Ketua Eksekutif Kumpulan Permodalan Nasional Berhad.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagai sebuah institusi yang dimandatkan untuk memelihara pelaburan rakyat Malaysia, terutamanya Bumiputera, Permodalan Nasional Berhad (PNB) ditubuhkan dengan tata kelola pemerintahan yang telus, bertanggungjawab dan berintegriti.
2. Berikutan maklumat yang diterima oleh Suruhanjaya Sekuriti bahawa latarbealakang akademik dan pekerjaan yang dikemukakan oleh Encik Jalil Rasheed melalui PNB kepada Suruhanjaya Sekuriti tidak konsisten, pihak Suruhanjaya Sekuriti telah membuat inkuiri tentang perkara ini. Lanjutan daripada itu, Suruhanjaya Sekuriti telah mengadakan satu pertemuan dan perbincangan dengan Encik Jalili Rasheed pada 11 Jun 2020 untuk mendapat penjelasan lanjut daripada beliau.

3. Suruhanjaya Sekuriti juga telah memohon penjelasan daripada Lembaga Pengarah PNB tentang perkara ini melalui surat bertarikh 12 Jun 2020.

4. Pada 13 Jun 2020 Encik Jalil Rasheed telah menyerahkan surat perletakan jawatan beliau sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PNB atas sebab peribadi.

5. Peletakan jawatan di atas telah diterima oleh Lembaga Pengarah PNB pada Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah pada hari Isnin, 15hb Jun 2020.

6. Berhubung latar belakang akademik Encik Jalil Rasheed, penjelasan rasmi daripada pihak London School of Economics and Political Science (LSE) mengesahkan bahawa seorang graduan yang memegang ijazah daripada University of London bukan merupakan seorang graduan daripada LSE.

7. Dengan sejarah penubuhan dan pencapaian yang melebihi 42 tahun, PNB akan terus memenuhi mandatnya dalam menggalakkan simpanan dalam bentuk dana unit amanah oleh kalangan Bumiputera, yang kemudian akan dilaburkan bagi pihak mereka bagi tujuan meningkatkan kekayaan mereka.

Sekian, terima kasih.